






# MANUAL PROSEDUR

## TERNAKAN UDANG PUTIH (*Penaeus vannamei*) SUPER INTENSIF





# MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH (*Penaeus vannamei*) SUPER INTENSIF

---

Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Gelang Patah, 2021

---

Cetakan Pertama 2021  
©Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Gelang Patah 2021

Cetakan Pertama 2021

©Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Gelang Patah 2021

## NOTIS HAK CIPTA

Hak Cipta Terpelihara: Tidak dibenarkan menerbit, mengulang cetak, mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, fotografi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain yang direka pada masa akan datang melainkan setelah mendapat kebenaran dari Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Diterbitkan oleh

INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN

Fisheries Research Institute (FRI) Gelang Patah,

81550 Gelang Patah, Johor.

No. Telefon : 07-5101202

No. Faksimili : 07-5103015

Laman web : <http://www.fri.gov.my>

E-mel : [pptap@dof.gov.my](mailto:pptap@dof.gov.my)

ISBN : 978-967-26213

Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Gelang Patah 2021

Hak Cipta Terpelihara



**MANUAL PROSEDUR  
TERNAKAN UDANG PUTIH  
(*Penaeus vannamei*)  
SUPER INTENSIF**

**AZMI BIN RANI  
MOHD LAZIM BIN MOHD SAIF  
FADZILAH BINTI YUSOF  
AZLINA BINTI APANDI  
MOHD FARAZI BIN JAAFAR**

**BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU,  
FRI GELANG PATAH,  
2021**



## Kata Pengantar

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat ALLAH SWT kerana dengan izinNya, Buku Manual Prosedur Ternakan Udang Putih Super Intensif 2021 dapat diterbitkan. Buku manual ini bertujuan untuk mengwar-warkan dan memperkasakan pengetahuan baru berteknologi yang boleh dikomersialkan kepada golongan sasaran bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran udang yang berkualiti dan dapat pulangan yang memberangsangkan.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan jutaan tahniah kepada FRI Gelang Patah kerana berjaya membangunkan teknologi dan memodenkan sistem ternakan udang putih. Pihak FRI Gelang Patah mengambil langkah inisiatif menjalankan aktiviti kajian ternakan udang putih secara super intensif dalam tangki berukuran 1000m<sup>2</sup> (0.1ha) dan 100m<sup>2</sup> (0.01 ha). Kajian tersebut telah membuktikan bahawa **sistem super intensif dalam ternakan udang** dengan penebaran benih dengan kepadatan yang tinggi iaitu kepadatan awal 250 ekor/m<sup>3</sup>/pusingan sehingga 400 ekor/m<sup>3</sup>/pusingan dapat menghasilkan udang putih 40.0-50.0mt/ha.

Harapan saya semoga buku manual ini akan dapat memberi pendedahan dan maklumat yang manfaat untuk semua pembaca. Saya berharap semua penyelidik akan terus bersemangat untuk berkerjasama secara berpasukan, lebih inovatif dan kreatif dalam membangunkan dan menjalankan penyelidikan yang memberi impak kepada industri akuakultur di Malaysia. Sehubungan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada Bahagian Pengembangan & Pemindahan Teknologi yang menyumbangkan peruntukan untuk menerbitkan buku manual ini dan juga kepada pegawai-pegawai FRI Gelang Patah yang telah berusaha dalam menyediakan buku manual ini.

Terima kasih,


**YBrs, Dr Azhar bin Hamzah**

Pengarah Kanan Penyelidikan

Institut Penyelidikan Perikanan (FRI)

<b>KANDUNGAN</b>			
<b>BAHAGIAN</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>M/S</b>
<b>LATAR BELAKANG</b>	<b>1.0</b>	<b>LATAR BELAKANG</b>	7
<b>PENGENALAN</b>	<b>2.0</b>	<b>PENGENALAN</b>	9
	<b>2.1</b>	<b>Biologi Udang Putih (<i>Penaeus vannamei</i>)</b>	9
	2.1.1	Taksonomi Udang Putih	9
	2.1.2	Morfologi Udang Putih	10
	2.1.3	Habitat dan Kitaran Hidup	12
	2.1.4	Kelakuan	13
	<b>2.2</b>	<b>Teknologi Super Intensif (kepadatan yang tinggi)</b>	14
<b>REKABENTUK KOLAM</b>	<b>3.0</b>	<b>REKABENTUK KOLAM</b>	16
<b>PENGURUSAN PERSEDIAAN TERNAKAN</b>	<b>4.0</b>	<b>PENGURUSAN PERSEDIAAN TERNAKAN</b>	19
	<b>4.1</b>	<b>Pengurusan kolam/tangki ternakan udang</b>	20
	4.1.1	Persediaan kolam, meliputi, pembaikan kolam, membuang lumpur, dan pencucian kotoran	20
	4.1.2	Penyediaan fasiliti kolam meliputi kerja-kerja pemasangan kincir air, blower super charger dan aerotube	21
	4.1.3	Pengisian dan penyediaan air ke dalam kolam	22
	<b>4.2</b>	<b>Penebaran Benih</b>	24
	4.2.1	Pemilihan Benih	25
	4.2.2	Aklimatisasi	26
<b>PENGURUSAN PEMELIHARAAN TERNAKAN</b>	<b>5.0</b>	<b>PENGURUSAN PEMELIHARAAN TERNAKAN</b>	28
	<b>5.1</b>	<b>Pengurusan Makanan</b>	28
	5.1.1	Nutrisi Makanan	28
	5.1.2	Keperluan Makanan	29
	5.1.3	Penyimpanan Makanan	33
	<b>5.2</b>	<b>Pengurusan Kualiti Air</b>	33

	5.2.1	Pemantauan Kualiti Air	34
	5.2.2	Pengendalian Kualiti Air	37
	5.3	Persampelan	39
	5.3.1	Kaedah Pensampelan	39
<b>PENGURUSAN PENUAIAN TERNAKAN</b>	6.0	PENGURUSAN PENUAIAN TERNAKAN	42
	6.1	Penuaian	42
<b>LAMPIRAN</b>			
<b>PROSEDUR KUALITI</b>			45
<b>PROSEDUR KUALITI</b>	FRIGP-PK-01	Carta aliran pengeluaran utama	47
	FRIGP-PK -02	Persediaan air untuk ternakan	48
	FRIGP-PK -03	Pemeriksaan kualiti air kolam	51
	FRIGP-PK -04	Penyediaan dan pembersihan kolam	53
	FRIGP-PK -05	Penebaran benih	55
	FRIGP-PK -06	Latihan kakitangan	57
	FRIGP-PK -07	Pemberian makanan	59
	FRIGP-PK 08	Kawalan Kualiti makanan	62
	FRIGP-PK -09	Pengawalan kualiti udang	64
	FRIGP-PK -10	Kesihatan pekerja	66
	FRIGP-PK -11	Penerimaan dan penyimpanan bahan mentah	68
	FRIGP-PK -12	Kawalan penyakit	71
	FRIGP-PK 13	Pengumpulan dan pelupusan	74
	FRIGP-PK 14	Kutipan hasil	77
	FRIGP-PK -15	Rawatan air buangan	80

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 7 to 81
		Issue By	: PP


## 1.0 LATAR BELAKANG

Manual Standard Operating Procedure (SOP) ini dibangunkan bagi memberitahu pengusaha cara pengendalian dan pengurusan ternakan udang putih secara super intensif. Penerangan akan diberi secara terperinci mengenai rekabentuk kolam ternakan, pengurusan ternakan udang secara super intensif dan analisis ekonomi. Manual ini bertujuan untuk kegunaan di lapangan oleh penternak udang, pelajar ataupun ejen pengembangan. Penumpuan diberi bermula daripada pasca larva (PL) hingga proses penuaian tetapi ia tidak melibatkan pengurusan induk dan proses pembenihan.

### Pengenalan Kepada Industri Ternakan Udang

Industri akuakultur telah berkembang pesat di Malaysia sebagai satu sumber pengeluaran makanan utama Negara. Menjelang tahun 2030, kerajaan telah menetapkan sasaran pengeluaran akuakultur udang laut sebanyak 109.99 ribu tan metrik bernilai 2.1 billion. Bagi mencapai sasaran tersebut, teknologi ternakan udang marin memerlukan penelitian dan pengembangan dari semasa ke semasa. Walaupun sejak tiga dekad kebelakangan ini teknologi ternakan udang laut telah mengalami perkembangan yang sangat pesat, namun jika dibandingkan dengan teknologi pertanian (misalnya hortikultur) atau penternakan (misalnya unggas), teknologi ternakan udang masih sangat jauh ketinggalan.

Ternakan udang marin telah berkembang dengan pesat sebagai aktiviti ekonomi di kebanyakan Negara Asia seperti China, India, dan Thailand. Perkembangan industri ternakan udang marin dibantu dengan perkembangan teknologi pembenihan yang berupaya menghasilkan benih yang berkualiti. Perubahan kaedah ternakan juga berlaku seiring dengan perkembangan industri ternakan yang sentiasa mencari teknik untuk meningkatkan pengeluaran. Pada peringkat awal ternakan udang dijalankan secara ekstensif dengan kadar penebaran yang rendah berubah kepada semi intensif, intensif dan super intensif yang menebarkan benih udang pada kadar yang tinggi.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 8 to 81
		Issue By	: PP


Perkembangan industri udang marin juga menyumbang kepada pencemaran alam sekitar, oleh yang demikian ia memerlukan pembangunan teknologi ternakan yang mesra alam bagi mengurangkan kesan pencemaran alam sekitar. Perkembangan industri ini juga terhalang oleh persaingan untuk tanah dengan industri lain dan juga harga tanah yang semakin mahal serta kebergantungan kepada “fish meal” yang merupakan kandungan utama dalam penghasilan makanan bagi udang laut. Dalam operasi ternakan udang marin, 50 hingga 60 peratus daripada kos pengeluaran adalah kos makanan.

Dalam ternakan udang marin sistem ternakan yang dipraktikkan adalah sistem tertutup atau sistem buangan air terhad. Sistem ini tidak melakukan pengeluaran air seperti biasa dilakukan dalam sistem terbuka. Tiada atau hanya sedikit air ditukar ataupun ditambah semasa ternakan. Sistem ini juga memerlukan tahap biosekuriti yang tinggi bagi mengelakkan serangan penyakit. Sistem ternakan udang marin pada masa ini mengamalkan kadar penebaran benih yang tinggi yang mana akan meningkatkan pengeluaran udang namun sistem ini memerlukan pengurusan yang baik terutamanya pengurusan kualiti air sepanjang tempoh ternakan bagi mengelak tekanan kepada udang dan membolehkan udang membesar dengan baik.

Udang marin yang dternak di Malaysia adalah udang harimau (*Penaeus monodon*) dan udang putih pasifik (*Penaeus vannamei*). Pada masa ini udang putih vannamei mendominasi hampir 80% pengeluaran udang marin di Malaysia.



Gambar 1: Hasil tuaian udang ternakan

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 9 to 81
		Issue By	: PP

## Pendekatan Baru Dalam Ternakan Udang Marin


Sistem ternakan udang putih vannamei yang diamalkan pada masa ini memberi hasil yang agak rendah iaitu sekitar 10-18 mt/ha/pusingan dengan kadar penebaran PL 80-120 ekor/m<sup>2</sup>. Penyelidik dan sesetengah pengusaha ternakan udang berusaha untuk membangunkan sistem ternakan udang secara super intensif dengan meninggikan kadar penebaran dan menambahbaik sistem ternakan. Pelbagai rekabentuk kolam, tangki dan sistem ternakan telah dicuba seperti sistem tertutup atau terhad. Ternakan super intensif menggunakan saiz kolam yang lebih kecil telah menunjukkan kejayaan.

## 2.0 PENGENALAN

### 2.1 Biologi Udang Putih (*Penaeus vannamei*)

#### 2.1.1 Taksonomi Udang Putih

Udang putih (*Penaeus vannamei*) merupakan udang yang berasal dari perairan Amerika Latin. Warna udang vanname relatif putih transparan dengan warna biru yang terdapat dekat dengan bahagian telson dan uropoda. Oleh sebab itu, udang vannamei sering juga disebut sebagai American Western Shrimp, Mexican White Shrimp atau Pacific White Shrimp. Haliman dan Adijaya (2005) menyatakan bahawa udang putih memiliki nama atau sebutan yang berlainan di negara masing-masing, seperti "*whiteleg shrimp*" (Inggeris), "*crevette pattes blanches*" (Perancis), dan "*camaron patiblanco*" (Sepanyol). Udang putih pasifik atau dikenal dengan udang vannamei, Menurut Haliman dan Adijaya (2005), klasifikasi udang putih adalah seperti berikut:

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 10 to 81
		Issue By	: PP

Kingdom : Animalia

Sub kingdom : Metazoa

Filum : Arthropoda

Sub filum : Crustacea

Kelas : Malacostraca

Sub kelas : Eumalacostraca

Order : Decapoda

Sub ordo : Dendrobranchiata

Famili : Penaeidae

Genus : Litopenaeus


Spesies : *Penaeus vannamei*



Gambar 2: Udang putih vanamei (*Penaeus vannamei*)


### 2.1.2 Morfologi Udang Putih

Tubuh badan udang secara morfologi terdapat dua bahagian iaitu “*cepalothorax*” (bahagian kepala dan dada) serta bahagian abdomen (perut).

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 11 to 81
		Issue By	: PP


“*Cephalothorax*” terlindungi oleh kulit yang terbuat dari chitin tebal yang disebut karapas. “*Cephalothorax*” dan abdomen, terdiri dari segmen-segmen atau ruas-ruas yang masing-masing mempunyai fungsi-fungsi tersendiri. Kulit chitin pada udang penaidae akan mengelupas (“*ecdysis*”) atau berganti kulit (“*moulting*”) setiap kali terjadi penambahan tumbesaran badan. Bahagian “*checephalothorax*” udang putih telah mengalami modifikasi sehingga dapat digunakan untuk keperluan sebagai berikut:

- Makan, bergerak dan membenamkan diri dalam lumpur (“*burrowing*”)
- Kelihatan insang bersambung kerana struktur insang seperti bulu unggas
- Organ sensor, seperti pada antenna dan antenula



Gambar 3. Morfologi Udang Putih


Kepala (“*Checephalothorax*”) udang putih terdiri dari antenula, antenna, mandibula, dan dua pasang maxillae. Kepala udang putih juga dilengkapi dengan 3 (tiga) pasang maxiliped dan 5 (lima) pasang kaki berjalan (peripoda) atau kaki sepuluh (decapoda). Maxiliped sudah mengalami modifikasi dan berfungsi sebagai organ untuk makan. Bentuk peripoda beruas-ruas yang berujung di bahagian dactylus. Dactylus ada yang berbentuk kuku (kaki 1,2 dan 3) dan tanpa kuku kaki 4 dan 5.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 12 to 81
		Issue By	: PP

Perut (“*abdomen*”) terdiri dari 6 ruas. Pada abdomen terdapat 5 (lima) pasang kaki renang dan sepasang uropod (mirip ekor) yang berbentuk kipas bersama-sama telson (Haliman dan Adijaya, 2005).

### 2.1.3 Habitat dan Kitaran Hidup


Udang vannamei hidup di habitat laut tropika di mana dasarnya adalah merupakan campuran lumpur dan pasir. Induk udang sering ditemukan di perairan pada kedalaman di antara 70-72 meter. Udang vanamei bersifat nocturnal, iaitu aktif mencari makan pada malam hari.



Gambar 4. Kitaran hidup udang vanamei (Warsito, 2012)

Petunjuk Proses persenyawaan pada udang vanamei berlaku apabila udang betina melepaskan telur secara tiba-tiba. Pada masa yang sama, udang jantan juga mengeluarkan sperma, dan seterusnya sel telur dan sperma bertemu. Proses persenyawaan akan berlangsung kira-kira satu minit. Sepasang udang putih berukuran berat 30-45gram dapat menghasilkan sebanyak 100,000-250,000 biji telur.

Selanjutnya kitaran hidup udang sebelum dimasukkan di kolam iaitu peringkat naupli, peringkat zoea, peringkat mysis, dan peringkat pasca larva. Pada peringkat naupli larva berukuran 0.32 – 0.59 mm, sistem pencernaanya belum sempurna dan memiliki kantung makanan berupa kuning telur. Ternakan udang putih vanamei dimulakan pada pasca larvae 10 hingga 15 (PL 10-15).

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 13 to 81
		Issue By	: PP

#### 2.1.4 Kelakuan

Sifat-sifat fisiologi udang putih seperti berikut:

##### a. Nocturnal

Udang merupakan haiwan nocturnal yang aktif pada malam hari untuk mencari makan, sedangkan pada siang hari sebahagian dari mereka bersembunyi di dalam lumpur. Oleh itu pemberian makanan di kolam ternakan perlulah dilakukan dengan frekuensi yang lebih banyak untuk tumbesarnya.

##### b. Kanibalisme


Udang suka menyerang sesama sendiri, udang sihat akan menyerang udang yang lemah terutama pada saat "*moulting*" atau udang sakit. Sifat kanibal akan muncul terutama bila udang tersebut dalam keadaan kurang mendapat makanan dan kepadatan tebar yang tinggi.

##### c. Makanan dan kebiasaan makan ("*feeding behaviour*")

Udang putih hidup dan mencari makan di dasar perairan ("*benthic*"). Udang putih merupakan haiwan pemakan lambat dan terus-menerus dan digolongkan ke dalam haiwan pemakan segala macam bangkai ("*omnivorous scavenger*") atau pemakan detritus dan karnivor yang memakan krustacea kecil, amphipoda dan polychaeta.

##### d. Daya ketahanan

Udang putih pada waktu masih diperingkat benih sangat tahan kepada perubahan kadar saliniti. Sifat demikian dinamakan sifat "*euryhaline*". Sifat lain yang menguntungkan adalah ketahanan terhadap perubahan suhu dan sifat ini dikenal sebagai "*eurytherma*".

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 14 to 81
		Issue By	: PP


#### e. Bersalin kulit (“*Moulting*”)

Udang putih akan bersalin kulit (“*moulting*”) secara berkala. Kekerapan bersalin kulit menurun seiring dengan semakin besarnya ukuran udang. Pada peringkat larva terjadi “*moulting*” setiap 30 – 40 jam pada suhu purata di antara 26°C - 30 °C. Sedangkan pada peringkat juvenile dengan purata berat badan (ABW) 1 – 5 gram, ia akan bersalin kulit setiap 4 – 6 hari, selanjutnya pada ABW 15 gram tempoh salin kulit terjadi sekitar 2 (dua) minggu sekali. Keadaan persekitaran dan makanan merupakan faktor utama yang mempengaruhi kekerapan bersalin kulit. Sebagai contoh, suhu yang tinggi dapat meningkatkan kekerapan salin kulit. Penyerapan oksigen oleh udang kurang efisien selama proses bersalin kulit, akibatnya selama proses ini sebahagian udang mengalami kematian akibat “*hypoxia*” atau kekurangan oksigen dalam tubuh. (Suyanto.S.R. dan Ahmad. M, 1999).

## 2.2 Teknologi Super Intensif (kepadatan yang tinggi)


Teknologi ternakan udang putih super intensif mampu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kesan pencemaran kepada persekitaran disamping dapat mengurangkan kos pengeluaran dan menambahkan pendapatan bagi pengusaha ternakan udang putih.

Udang putih *P. vannamei* mempunyai kadar pertumbuhan yang cepat, kadar kemandirian yang baik dalam ternakan kepadatan tinggi menjadikan ia pilihan yang terbaik bagi ternakan secara intensif/super intensif atau ternakan secara tertutup. (Cuzon et al., 2004). Sedekad dahulu pengeluaran udang vannamei dalam sistem ternakan intensif menggunakan bioflok dengan tanpa penukaran air telah dicadang dan dicapai secara lestari. (Bratvold and Browdy, 2001; Burford et al., 2004; McIntosh, 2000; Wasielesky et al., 2006); walaubagaimanapun banyak yang belum diketahui tentang keberkesanan bioflok dalam prestasi pertumbuhan udang yang ditenak dalam sistem berkenaan.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 15 to 81
		Issue By	: PP

Ternakan udang konvensional bergantung kepada penukaran air yang kerap bagi mengurus “*alga bloom*” dan menghalang kemerosotan parameter kualiti air yang disebabkan oleh penggunaan makan yang tinggi kandungan protein. Kualiti air yang buruk akan mempengaruhi pertumbuhan dan kesihatan udang. Namun di Belize Aquaculture Ltd., (BAL) di Amerika Tengah mengamalkan sistem tanpa penukaran air bersama dengan percampuran udara yang kuat, kolam berlapis plastik, makanan rendah protein dan pengurusan yang efektif menghasilkan purata penuaian 15 mt/ha/pusingan (Browdy et al., 2001). Dalam sistem ternakan udang secara tertutup atau penukaran air secara terhad penggunaan probiotik adalah penting. Dalam akuakultur, probiotik biasanya dirujuk kepada suplimen bakteria samada tunggal atau campuran bakteria terpilih. Bakteria ini bertujuan untuk mengubahsuai atau manipulasi komuniti bakteria dalam air dan sedimen untuk mengurangkan atau menghapuskan mikroorganisma yang berbahaya dan secara amnya untuk mempertingkatkan pertumbuhan dan kemandirian spesies yang ditenak (Jory, 1998). Pada masa ini 90 peratus daripada pengusaha ternakan udang putih di Malaysia mengamalkan ternakan secara tertutup atau penukaran air secara terhad dan kepadatan yang biasa digunakan adalah antara 80-120 ekor permeter persegi yang menghasilkan antara 10 hingga 18mt/ha.


Pembangunan teknologi ternakan udang putih secara super intensif telah dimulakan di kolam tanah berdinding konkrit bersaiz 0.5ha dengan kedalaman air adalah 1.5 m dengan kepadatan awal 150 PL/m<sup>2</sup> dapat menghasilkan 20 mt/ha/pusingan. Pada tahun 2018, ternakan pada kepadatan 200PL/m<sup>2</sup> telah berjaya menghasilkan 30mt/ha/pusingan dan pada tahun 2019, (250 PL/m<sup>2</sup>) telah berjaya menghasilkan 41mt/ha/pusingan dengan menggunakan kolam bulat (0.1ha) dengan sistem buangan air di tengah. Pada tahun 2020, ternakan udang putih super intensif juga dijalankan di dalam tangki 0.01ha dengan kadar penebaran 300 PL/m<sup>2</sup> dan Berjaya menghasilkan 45 mt/ha/pusingan.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 16 to 81
		Issue By	: PP

Faktor kejayaan teknologi ini adalah seperti berikut:

- i. Penggunaan kolam bulat yang kecil dengan sistem buangan kotoran di tengah yang memudahkan pengurusan ternakan.
- ii. Menggunakan benih yang berkualiti.
- iii. Kecekapan bekalan oksigen terlarut yang mampu mengekalkan kekekatannya pada tahap optimum ( $\geq 4.0\text{mg/l}$ ) sepanjang tempoh ternakan.


Mengikut pandangan pakar-pakar ternakan udang, kolam bersaiz 750 -1000m<sup>2</sup> adalah yang paling sesuai untuk ternakan udang secara super intensif.



Gambar 5: Menunjukkan sistem “central drainage”

### 3.0 REKABENTUK KOLAM

Rekabentuk kolam yang dibina mestilah bersesuaian untuk memberikan keadaan yang baik bagi kehidupan udang dan mampu mencegah kemasukkan patogen dari luar serta mudah dilakukan pengendalian penyakit (Suyanto dan Mudjiman, 2001). Hal-hal yang perlu diperhatikan dalam pembinaan kolam dilihat dari segi bentuk kolam, kedalaman air, saluran air masuk dan saluran pembuangan (Haliman dan Adijaya, 2005).


	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	No. Semakan	: 4
		Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 17 to 81
		Issue By	: PP

Bentuk dan ukuran kolam disesuaikan dengan keluasan tanah, kedalaman air bagi setiap kolam untuk ternakan udang di antara 150-180 cm. Saluran air setiap kolam terdiri dua saluran iaitu saluran air masuk (“*inlet*”) dan saluran air keluar (“*outlet*”). Kedua-dua saluran tersebut harus terpisah satu sama lain. Saluran pembuangan air di tengah (“*central drainage*”) berfungsi untuk membuang lumpur dan kotoran dari dasar tengah kolam (Haliman dan Adijaya, 2005). Bagi ternakan udang secara super intensif kolam yang dicadangkan adalah berbentuk bulat samada ber dinding konkrit atau pun berlapisan plastik. Kolam berban tanah adalah tidak sesuai kerana aliran arus air yang deras di dalam kolam akan menghakis ban dan merosakkannya,



Gambar 6: Contoh susunatur kolam ternakan.

**CONTOH SUSUNATUR LADANG**




Gambar 7: Contoh susunatur kolam ternakan.



Gambar 8: Kolam bulat berdinding konkrit.



Gambar 9: Kolam bulat berdinding konkrit dasar plastik.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 19 to 81
		Issue By	: PP




Gambar 10: Tangki bulat dasar plastik.

#### 4.0 PENGURUSAN PERSEDIAAN TERNAKAN

Sasaran akhir yang ingin dicapai dalam usaha ternakan udang adalah pengeluaran yang menguntungkan dan berterusan. Maka perkara yang mesti ditekankan adalah kolam dan kualiti airnya dalam keadaan yang optimum agar pertumbuhan dan kelangsungan hidup udang berada dalam keadaan yang terbaik dan ianya berupaya menghalang berkembangnya agen penyakit. Kegiatan pengurusan kolam udang secara tertib adalah seperti berikut:

- (1) Persediaan kolam, meliputi, pembaikan kolam, membuang lumpur, dan pencucian kotoran;
- (2) Penyediaan fasiliti kolam
- (3) Kemasukan air;
- (4) Pembasmian hidupan akuatik lain dan penyakit
- (5) Pengapuran dan pembajaan;
- (6) Penyediaan penebaran benih;

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 20 to 81
		Issue By	: PP

- (7) Pengurusan makanan;
- (8) Pengurusan kualiti air;
- (9) Pemantauan pertumbuhan;
- (10) Penuaian hasil

#### 4.1 Pengurusan kolam/tangki ternakan udang

4.1.1 Persediaan kolam, meliputi, pembaikan kolam, membuang lumpur, dan pencucian kotoran.

Air dalam kolam yang masih ada dibuang dengan menyedut menggunakan pam air, kemudian membuang semua lumpur (“*sludge*”) yang terdapat pada dasar kolam. Ini bertujuan untuk membuang segala sisa dan bahan organik semasa ternakan sebelumnya.


Pembersihan dinding kolam bertujuan untuk menghilangkan teritip dan lumut yang menempel pada dinding kolam semasa ternakan sebelumnya. Kemudian lakukan “*flushing*” dengan mengisi air dengan kedalaman 0.30m dan biarkan selama 24 jam dan kemudian keluarkan sepenuhnya air tersebut.



Gambar 11: Proses Pengeringan Kolam



Gambar 12 : Membersihkan kolam


	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 21 to 81
		Issue By	: PP

#### 4.1.2 Penyediaan fasiliti kolam meliputi kerja-kerja pemasangan kincir air, “blower” “super charger” dan “aerotube”


Kincir air (“*paddle wheel*”) dan juga “*blower*” digunakan bagi meningkatkan kadar kandungan oksigen terlarut di dalam air. Kincir air perlu diletakkan pada kedudukan yang betul bagi membantu pengaliran pusingan air dan mengumpul kotoran ke bahagian tengah kolam bagi memudahkan proses pembuangannya sepanjang ternakan. “*Blower*” disambung dengan paip “*High Density polythelene*” (HDPE) dan “*aerotube*”. Pemasangan “*aerotube*” lebih kurang 6-8 inci dari dasar kolam. Keperluan bilangan kincir air dan blower bergantung kepada jumlah penebaran dan biomas udang yang ada dalam kolam. Pada kebiasaannya 1 Hp kincir air mampu membekal oksigen terlarut kepada 300-400 kg udang. **Bekalan oksigen terlarut mesti sekurang-kurangnya 4ppm pada setiap masa.**



Gambar 16 : “*Blower super charger*” (2hp)



Gambar 17: Kincir air (1hp)

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Keluaran	: 1.1.2020	
	No. Semakan	: 4	
	Tarikh Semakan	: 27.9.2021	
	Page No	: 22 to 81	
	Issue By	: PP	




Gambar 18: "Aerotube" yang disambung dengan "blower"



Gambar 19: Sistem pembuangan ditengah

#### 4.1.3 Pengisian dan penyediaan air ke dalam kolam

Beberapa langkah dilakukan untuk mengurangkan faktor-faktor risiko yang berkaitan dalam pengisian dan penyediaan air ke dalam kolam. Air dari perairan dimasukkan ke kolam takungan dan dibiarkan proses pendedapan berlaku sebelum dialirkan ke kolam rawatan melalui penapis bersaiz 200  $\mu\text{m}$ . Di sini air dirawat dengan klorin pada kadar 30ppm. Pengisian air ke kolam/tangki ternakan boleh dilakukan secara berperingkat atau sepenuhnya. Pembajaan air dilakukan selepas 2-3 hari atau sehingga tiada residu klorin yang tinggal bagi menggalakkan pertumbuhan plankton. Kepadatan plankton pada awal ternakan sangat penting untuk menentukan pertumbuhan dan kadar kemandirian udang. "Turbidity" (kekeruhan) yang baik untuk penebaran benih udang sekitar 30-50 cm dengan pengukuran secchi disk. Pasca larva (PL) udang pada awal ternakan masih memerlukan makanan semulajadi walaupun telah menerima makanan rumusan. Masa persiapan air ini memerlukan waktu sekitar 10-15 hari dengan perincian 5 hari sterilisasi dan 8-10 hari pembentukan plankton.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 23 to 81
		Issue By	: PP



Gambar 13: Air kolam/tangki yang telah dibaja


Pembajaan air bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan plankton yang berperanan sebagai makanan semulajadi sebelum penebaran benih dilakukan. Bahan yang digunakan adalah molases, probiotik dan bahan kimia seperti “*calcium chloride*”, “*calcium carbonate*”, “*magnesium*”, “*sodium metasilicate*” dan “*sodium silicate*” mengikut dos yang telah ditetapkan. Pemberian baja diberikan pada siang hari dan kincir air dalam keadaan berfungsi.



Gambar 14 : Kolam takungan air sedang dirawat dengan klorin



Gambar 15: Pengisian air dengan menggunakan penapis

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 24 to 81
		Issue By	: PP

Pemberian probiotik amat penting untuk pertumbuhan plankton serta meningkatkan populasi bakteria baik dan merencatkan pertumbuhan bakteria yang bahaya. Probiotik juga berfungsi untuk mengawal kualiti air kolam supaya sentiasa berada dalam julat yang optimum. Probiotik yang digunakan ialah “*Effective Microorganism*” (EM), “*shrimp shield*” (SS) dan diatom “*enhancer*” (D3). Pada peringkat awal probiotik “*shrimp shield*” dimasukkan pada kadar 1.25kg/ha setiap 3 hari sekali sebanyak 3 kali. Kemudian pemberian probiotik tersebut diteruskan pada kadar 0.1 kg/ha setiap 5 hari sehingga dituai. Selain daripada itu, D3 dan “*sodium metasilicate*” dimasukkan setiap minggu selama 3 minggu pada kadar 1kg/ha dan 25kg/ha. Probiotik yang lain juga boleh digunakan dengan mengikut arahan yang dibuat oleh syarikat pengeluar. Perlu dipastikan probiotik yang digunakan boleh berfungsi dengan baik.




Gambar 14: Probiotik “*Shrimp shield*”



Gambar 15: D3- diatom “*enhancer*”

## 4.2 Penebaran Benih

Sebelum penebaran benih, pemeriksaan kualiti air perlu dilakukan dan bacaannya berada dalam julat yang optimum. Penebaran benih udang ini ada dua faktor yang perlu diberi perhatian iaitu pemilihan benih (“*fry selection*”) dan aklimatisasi (“*acclimatization*”). Penebaran benih perlu dilakukan pada waktu pagi atau lewat petang bagi mengelak benih mengalami tekanan oleh suhu yang tinggi.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 25 to 81
		Issue By	: PP


#### 4.2.1 Pemilihan Benih

Lawatan ke hatceri yang membekalkan benih udang seawal 10 hari sebelum penebaran dilakukan. Ciri – ciri benih yang berkualiti adalah seperti berikut:

- Bebas dari sebarang penyakit
- Ekor terbuka dan berpigmen
- Apendaj sempurna, tidak cacat
- Aktif berenang melawan arus
- Melenting-lenting apabila diganggu
- Saiz badan lebih kurang sama/seragam
- Tiada kotoran luar pada badan/kulit

Benih yang digunakan adalah PL 10-15 atau Super PL yang bebas penyakit, “*Specific Pathogen Free*” (SPF) dan ukuran seragam dengan nilai keseragaman 80%. Semasa membuat tempahan bekalan benih perlu dimaklumkan kepada pihak pembekal, supaya menyamakan saliniti air semasa penghantaran benih sama dengan saliniti air kolam yang akan dimasukkan. Jika ada perbezaan saliniti pastikan tidak melebihi 5 ppt.

Sebelum benih ditebarkan ke dalam kolam, aklimatisasi perlu dilakukan iaitu aklimatisasi saliniti dan suhu.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Keluaran	: 1.1.2020	
	No. Semakan	: 4	
	Tarikh Semakan	: 27.9.2021	
	Page No	: 26 to 81	
	Issue By	: PP	



Gambar 20 : Benih yang berkualiti


#### 4.2.2 Aklimatisasi

##### a) Aklimatisasi suhu

Aklimatisasi suhu dilakukan dengan tujuan supaya suhu air yang berada dalam plastik/tong sama atau mendekati suhu air di dalam kolam. Plastik yang mengandungi benih hendaklah dimasukkan ke dalam kolam tanpa membuka ikatannya terlebih dahulu selama 15 hingga 60 minit supaya benih dapat beradaptasi dengan suhu persekitaran ternakan agar tidak mengalami stress, setelah itu benih ditebarkan.



Gambar 21 : Proses aklimatisasi suhu


	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 27 to 81
		Issue By	: PP

## b) Aklimatisasi saliniti dan pH

Aklimatisasi saliniti dan pH dilakukan dengan tujuan supaya saliniti dan pH air di dalam plastik sama atau mendekati saliniti dan pH di dalam kolam. Cara aklimatisasi saliniti iaitu dengan membuka ikatan plastik dan permukaan plastiknya dilipat keluar supaya memudahkan air masuk sedikit demi sedikit sehingga saliniti dan pH air dalam plastik sama atau mendekati saliniti dan pH air kolam. Setelah selesai benih tersebut akan ditebarkan dengan berhati-hati ke kolam dengan mengangkat hujung bucu plastik supaya benih keluar dengan sendirinya. Jika benih dihantar menggunakan tong, air semasa penghantaran perlu dibuang separuh dan diganti dengan air kolam secara perlahan-lahan sehingga ke paras yang asal. Biarkan seketika sebelum benih udang di lepaskan ke dalam kolam ternakan.



Gambar 22 : Proses aklimatisasi dan tong bekalan benih

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 28 to 81
		Issue By	: PP

## 5.0 PENGURUSAN TERNAKAN

### 5.1 Pengurusan Makanan


Udang putih bersifat nocturnal (aktif makan pada malam hari), “*continuous feeder*” (makan sedikit demi sedikit tetapi secara terus menerus) dan bersifat omnivor.

#### 5.1.1 Nutrisi Makanan

Makanan yang diberikan harus sesuai dengan keperluan nutrisi udang putih. Nutrisi yang diperlukan di antaranya adalah protein, lemak, vitamin dan asid amino perlu. Nutrisi tersebut digunakan untuk pertumbuhan dan reproduksi udang (Haliman R.W dan Adijaya D.S 2005). Kandungan protein merupakan faktor yang sangat penting dalam menyokong keberhasilan ternakan udang. Protein merupakan faktor pembatas pertumbuhan dan berpengaruh besar terhadap harga makanan (Kureshy dan Davis, 2002). Keperluan protein pada makanan udang putih berkisar antara 30-40% (Venero *et al.*, 2007), sedangkan menurut Kureshy dan Davis, 2002), keperluan protein makanan untuk udang putih adalah antara 30-35%. Keperluan protein dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti: spesies, ukuran, kualiti protein serta faktor persekitaran seperti suhu dan saliniti (Guillaume, 1997). Lemak dan karbohidrat merupakan sumber tenaga. Manakala mineral dan vitamin berfungsi mempercepatkan proses metabolisme di dalam tubuh udang. Secara khusus, mineral membantu pengangkutan tenaga, menjaga keseimbangan osmosis serta membantu menyusun enzim dan hormone serta membantu pembentukan ekskeleton.

Ciri – ciri makanan berkualiti seperti berikut:

- Bau yang baik dan sedap
- Kadar serbuk/habuk yang rendah.
- Kestabilan dalam air lebih dari 2 jam dan kurang dari 8 jam
- Kualiti makanan yang baik dan bermutu

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 29 to 81
		Issue By	: PP

Jenis Makanan	Kandungan				
	Protein (%)	Fiber (%)	“Fat” (%)	“Moisture” (%)	Antibiotik
Permulaan (“Starter”)	34	4	5	11	Tiada
Pembesaran (“Grower”)	34	4	5	11	Tiada
“Finisher”	34	4	5	11	Tiada


Jadual 1. Peratusan kandungan nutrisi pada setiap jenis makanan

### 5.1.2 Keperluan Makanan

Pemberian makanan secara berlebihan akan memberi kesan negatif pada kualiti air dan tanah di dasar kolam, ini akan menyebabkan udang mengalami tekanan dan mudah diserang penyakit. Tingkat pemberian makanan ada tiga jenis, iaitu “*under feeding*”, optimum dan “*over feeding*”. Pemberian makanan yang *under feeding* akan menyebabkan pertumbuhan lambat, nilai penukaran makanan tinggi tetapi tidak mengalami penurunan kualiti air. Pemberian makanan secara “*over feeding*” akan menyebabkan pertumbuhan cepat pada awal pemeliharaan, penurunan kualiti air, nilai konversi makanan tinggi, dan kebarangkalian dijangkiti penyakit adalah tinggi. Pengurusan pemberian makanan yang optimum akan meningkatkan pertumbuhan, kualiti air terkawal, dan efisiensi makanan tinggi (Davis *et al.*, 2006). Menurut Amri dan Kanna (2008), pemberian makanan bersifat fleksibel boleh berubah-ubah bergantung pada nafsu makan udang.

Beberapa faktor yang dapat mempengaruhi nafsu makan udang antaranya ialah:


1. Keadaan tanah dasar kolam
2. Kualiti air
3. Tahap kesihatan udang

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 30 to 81
		Issue By	: PP

Tingkat nafsu makan udang dapat diketahui dengan melihat “*feeding tray*” setelah 1 – 2 jam diberi makanan. Erlangga (2012), menyatakan bahawa pemberian makanan pertama kali dilakukan ketika udang putih sehari di dalam kolam. Makanan pertama kali dapat diberikan sekitar 10% dari berat awal udang putih dan diturunkan secara berkala sampai dengan umur udang 10 hari. Ketika udang berumur 11 hari makanan dapat diberikan sekitar 6.3% atau sekitar 7% dari berat udang tersebut. Strategi pemberian makanan buta (“*blind feeding*”) dilakukan pada awal pemeliharaan sampai udang berumur satu bulan. Setelah udang berumur 30 hari, makanan diberikan sesuai dengan keperluan udang. Makanan yang diberikan dapat dihitung berdasarkan kepada peratus kemandirian udang, purata berat udang dan peratus pemberian makanan. Pemberian makanan disesuaikan dengan keperluan udang dengan cara memeriksa seluruh “*feeding tray*” yang diletakkan di dalam kolam. Berikut adalah contoh jadual dan cara pengiraan pemberian makanan:

Minggu	Jumlah Makanan Diberi (Kg/100,000 PL)
Minggu Pertama	1.0-2.0
Minggu Kedua	2.0-4.0
Minggu Ketiga	4.0-6.0
Minggu Keempat dan seterusnya	ikut jadual (berdasar berat badan udang)

Jadual 2: Contoh pemberian makanan secara anggaran atau “*blind feeding*” bagi bulan pertama

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 31 to 81
		Issue By	: PP

Berat purata (g)	Kadar pemberian (% biomass)	Anggaran kadar hidup (%)	Kekerapan
< 1	<i>"blind feeding"</i>	<i>"blind feeding"</i>	4 X
1-5	6.5-5.5	95-90	4 X
6-10	5.5-4.5	90-85	4 X
11-15	4.5-3.5	85-80	4 X
16-20	3.5-2.5	80-75	4 X
21-25	2.5-2.0	75-70	4X

Jadual 3: Contoh penentuan jumlah pemberian makanan harian

Contoh perkiraan biomass udang dalam kolam: berdasarkan jadual3

Minggu: keempat

Berat udang: 5 g

Kadar hidup (dari jadual di atas): 95%

Jumlah stok: 500,000


Biomass udang =  $95/100 \times 500,000 \times 5 \text{ g} = 2,375 \text{ kg}$

Contoh perkiraan jumlah makanan: -

Dari jadual 3 di atas, berat udang adalah 5g, maka peratus pemberian makan sehari ialah 5.5% dari jumlah biomass udang dalam kolam. Jadi jumlah makanan yang diberi sehari ialah ialah:

$$5.5/100 \times 2375 \text{ kg} = 130.6 \text{ kg}$$

Dalam sehari pemberian makanan biasanya dilakukan 3 hingga 5 kali sehari bergantung kepada saiz udang. Sekiranya pemberian makanan diberi 4 kali sehari maka jumlah sekali memberi makan ialah 130.6 kg dibahagi dengan 4 iaitu 32.65 kg.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 32 to 81
Issue By		: PP	

Purata berat udang (g/ekor)	Makanan dalam dulang (%)	Masa pengamatan (jam)
1-5	1.0	2.5
6-10	1.5	2.0
11-15	2.0	1.5
16-20	2.5	1.0
21-25	3.0	1.0

Jadual 4: Contoh peratus makanan dalam dulang dan masa pengamatan


Bilangan dulang bagi kolam bersaiz 0.1-0.5 ha = 2-4 buah

Saiz dulang = 0.5 m x 0.5 m



Gambar 23: Contoh dulang makanan yang digunakan

Ternakan udang putih secara super intensif, udang diberi makan 4 kali sehari sepanjang tempoh ternakan dengan makanan rumusan pada kadar makan yang digunakan adalah 5-10% daripada berat badan.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 33 to 81
		Issue By	: PP

### 5.1.3 Penyimpanan Makanan

Makanan udang mudah rosak, ia perlu disimpan dan dijaga dengan baik untuk menghindari hilangnya nutrien tertentu, terjadinya bau tidak enak dan pertumbuhan kulat. Beberapa perkara yang perlu diambil perhatian seperti berikut:

- a. Makanan harus disimpan ditempat gelap dan kering.
- b. Makanan tidak boleh disimpan di atas lantai secara langsung dengan dilapikkan pelet supaya ada ventilasi dibahagian bawahnya.
- c. Makanan harus terhindar dari sinar matahari secara langsung.
- d. Makanan jangan disimpan lebih dari 3 bulan.
- e. Makanan yang sudah rosak jangan digunakan.


Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada gambar di bawah:



Gambar 24 : Makanan diletakkan di atas kayu pelet.

### 5.2 Pengurusan Kualiti Air

Pengurusan kualiti air merupakan perkara yang perlu diberi perhatian terutama di kolam yang kepadatan tinggi seperti ini, kerana penurunan kualiti air akan memberi kesan buruk terhadap pertumbuhan udang.


	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 34 to 81
		Issue By	: PP

Kualiti air yang berada diluar julat optimum akan memberi tekanan kepada udang yang mana boleh menjejaskan pertumbuhan udang serta berisiko dijangkiti penyakit.

### 5.2.1 Pemantauan Kualiti Air


Pemantauan parameter kualiti air terbahagi kepada 2 iaitu fizikal dan kimia. Parameter fizikal seperti kandungan oksigen terlarut (DO), kemasinan (saliniti), pH, kekeruhan dan suhu dibuat secara insitu menggunakan “probe” seperti YSI 556 Multiprobe sistem setiap hari. Bagi parameter kimia seperti “*Biological Oxygen Demand*” (BOD), Jumlah Pepejal Terampai (TSS), alkaliniti dan kepekatan kimia seperti Ammonia, Nitrat, Nitrit, Fosfat dan Ferum dilakukan secara ex-situ menggunakan “*spectrophotometer*” atau menggunakan hach kit setiap minggu. Bagi pengusaha kecil yang tidak mempunyai peralatan ini, bacaan parameter tersebut boleh dibuat dengan membeli kit yang berkaitan bagi mengetahui bacaan parameter-parameter tersebut.


Pemantauan 24 jam ke atas kandungan oksigen terlarut dilakukan terutamanya apabila udang telah mencapai tempoh mencapai 70-80 hari ternakan. Pembuangan kotoran yang berkumpul di tengah kolam dibuat apabila diperlukan terutamanya apabila parameter kimia melebihi paras optimum.

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 35 to 81
		Issue By	: PP

PARAMETER	STANDARD OPTIMUM
Oksigen terlarut	> 4.0 mg/l
Saliniti	15-25 ppt
Suhu air	26-32 °C
pH	7.5-8.5
Bacaan "secchi disk"	30 – 40 cm
Permintaan oksigen biokimia (BOD)	< 4.0 ppm
Alkaliniti	80-120 ppm
Jumlah pepejal terampai (TSS)	<150 ppm
Ferum (Fe)	<0.5 ppm
Nitrat (NO <sub>3</sub> )	<10.0 ppm
Nitrit (NO <sub>2</sub> )	<0.128 ppm
Ammonia (NH <sub>3</sub> )	<0.1 ppm
Phosphorus	<0.1 ppm

Jadual 5: Nilai Standard Optimum kualiti air

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 36 to 81
		Issue By	: PP




Gambar 25: Parameter kualiti air yang terlibat dalam pengukuran insitu secara harian dan secara ex-situ mingguan



Gambar 26: Alat pengukur kualiti air (YSI 556 Multiprobe)



Gambar 27: Spectrophotometer

	<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN AKUAKULTUR AIR PAYAU</b>	No. Dokumen	:SSI/FRIGP/01
		Isu No	: 1
		Tarikh Keluaran	: 1.1.2020
		No. Semakan	: 4
	<b>MANUAL PROSEDUR TERNAKAN UDANG PUTIH SUPER INTENSIF</b>	Tarikh Semakan	: 27.9.2021
		Page No	: 37 to 81
		Issue By	: PP




Gambar 28: Kolam ternakan boleh dilengkapi dengan dengan sistem IOT kualiti air

### 5.2.2 Pengendalian Kualiti Air

